

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 11 OGOS 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa unit rumah mampu milik telah dilancarkan selepas penandatanganan MOU dengan 6 buah syarikat untuk berusaha sama dalam projek merealisasikan 1 juta rumah dalam 10 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, perbincangan dengan syarikat-syarikat dari Republik Rakyat China yang telah menandatangani MOU bersama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah dijalankan dari aspek pembiayaan projek dan lain-lain bentuk kerjasama yang membawa manfaat kepada kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, perbincangan berkenaan telah tertangguh akibat pandemik COVID-19 dan pada masa ini tempoh MOU berkenaan telah luput. Setakat ini hanya satu syarikat dari Republik Rakyat China yang berminat untuk menjalin kolaborasi dengan SPNB dari segi pembiayaan projek perumahan SPNB dan juga peluang perniagaan baharu.

Sekian, terima kasih.